



## CTRM, CTL komersialkan Makmal Ujian Komposit

CYBERJAYA 19 Sept. – Composites Testing Laboratory Asia Sdn. Bhd. (CTLA) menyasarkan keuntungan sekurang-kurangnya RM30 juta dalam tempoh lima tahun selepas mula beroperasi.

CTLA adalah anak syarikat Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd. (CTRM) dan Composites Testing Laboratory Tastail Teo (CTL), Ireland.

CTRM dalam kenyataannya di sini berkata, CTLA ditubuhkan khas selepas kedua-dua syarikat memeterai perjanjian usahasama untuk mengkomersialkan ujian komposit di rantau ini.

CTLA beroperasi di premis CTRM di Batu Berendam, Melaka sejak 2 September lalu sebaik menerima akreditasi makmal ISO 17025.

Kontrak perjanjian ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutif CTRM, Datuk Rosdi Mahmud dan Pengarah Urusan CTL, Mike Naylor.

Majlis berkenaan disaksikan oleh Dr Conchur O'Bradaigh (Pengarah Urusan Bersama syarikat induk CTL, Éire Composites Teo., Ireland) dan Eksekutif Kewangan CTRM, Burhanuddin Hilmi Mohamed

Ketua Pegawai Eksekutif CTRM, Datuk Rosdi Mahmud, berkata, CTLA akan memberikan perkhidmatan yang pantas, fleksibel, kualiti ujian terbaik pada harga yang berpatutan kepada para pelanggan.

Rosli berkata, CTLA perlu mampu memberikan saingan dari segi kos ujian kepada makmal-makmal ujian komposit lain di Eropah mahupun di Asia.

Tambahan pula, kata beliau, pasaran terhadap ujian komposit kini giat berkembang di Asia.

Katanya, pembuat kapal terbang utama dunia seperti Airbus, Boeing serta Bombardier mula memberikan sub-kontrak dalam kerja-kerja pembuatan komposit kepada syarikat-syarikat tempatan di rantau ini.

Pengarah Urusan CTL, Mike Naylor berkata, usahasama di antara kedua-dua syarikat membolehkan CTLA menawarkan perkhidmatan pengujian komposit berakreditasi penuh di pasaran Asia.

Ia meliputi kelayakan spesifikasi bahan, penjanaan data pengakuan reka bentuk seterusnya pengujian bagi elemen dan struktur penuh sebuah panel komposit.